

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, September 22, 2019 2:33 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UCF Pentas Cungkil Bakat Pelajar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 SEPTEMBER 2019 / 22 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Pusat Budaya dan Seni

UCF PENTAS CUNGKIL BAKAT PELAJAR



UUM ONLINE: UUM Cultural Festival (UCF) 2019 anjuran Pusat Budaya dan Seni (PBS) dengan kerjasama Inapan Siswa (INASIS) menjadi medium terbaik untuk mencungkil bakat pelajar.

Pelbagai pertandingan dianjurkan sepanjang UFC berlangsung selama enam hari bermula 17 September lalu, antaranya pertandingan nyanyian pelajar antarabangsa, pertandingan busking dan pertandingan nyanyian solo lagu Irama Malaysia.

Pengarah PBS, Huzaidy Hussain berkata, festival tersebut telah mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja dalam kalangan pelajar tempatan, malah antarabangsa yang turut sama mengambil bahagian.

Menurutnya, menerusi pelbagai pertandingan yang dianjurkan itu diharap dapat memartabatkan citra negara bangsa dan kedaulatan Bahasa Malaysia, malah mencungkil bakat terpendam pelajar terlibat.

Katanya, contoh bagi pertandingan nyanyian pelajar antarabangsa, ia adalah satu permulaan yang harus dimanfaatkan untuk meningkatkan Bahasa Malaysia ke tahap lebih tinggi khususnya di persada antarabangsa.

"Selain itu, bagi pertandingan seperti busking dan nyanyian solo lagu Irama Malaysia pula, kita dapat mengetengahkan bakat pelajar dalam genre lagu Irama Malaysia dan menonjolkan identiti kemelayuan serta semangat muhibah," katanya.

Pada pertandingan nyanyian pelajar antarabangsa dimenangi Kharisma Fitriyani Algisyia dari INASIS TM, manakala pertandingan busking dimenangi Titans Band yang mewakili INASIS SME Bank dan bagi pertandingan nyanyian solo lagu Irama Malaysia dimenangi wakil dari INASIS MAS iaitu Raja Nurul Farhana Raja Muhammad Putra.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.